



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA
KEMASUKAN PERCUMA KE 19 MUZIUM DI BAWAH
JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA HARI MUZIUM
ANTARABANGSA 18 MEI 2025

KUALA LUMPUR, 17 Mei – Sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei 2025, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan sukacitanya mengumumkan kemasukan percuma ke semua 19 buah muzium di bawah pentadbirannya pada hari tersebut.

Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia berkata, **“Muzium tidak hanya menjadi sebuah entiti yang menyimpan artifak tetapi juga merupakan pusat komuniti yang dinamik, interaktif, inklusif dan berevolusi.”**

Senarai muzium yang terlibat adalah Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli, Muzium Tekstil Negara, Muzium Muzik di Kuala Lumpur, Muzium Automobil Nasional di Sepang, Muzium Lukut dan Muzium Adat di Negeri Sembilan, Muzium Perak dan Muzium Matang di Perak, Muzium Sungai Lembing di Pahang, Muzium Kota Kayang di Perlis, Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Kedah, Muzium Kota Johor Lama, Johor, Muzium Seni Bina Malaysia di Melaka, Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan dan Muzium Chimney di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tema sambutan “Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas” ini bertujuan mengukuhkan hubungan komuniti melalui usaha pemeliharaan warisan serta pendidikan sejarah yang berterusan.

Orang ramai yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman rasmi Jabatan Muzium Malaysia di www.jmm.gov.my.

Jangan lepaskan peluang untuk meneroka dan menghargai warisan budaya negara secara percuma pada 18 Mei 2025.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
17 Mei 2025
JMM.BKK 100-9/1/1 (31)

